

**JABATAN UKUR BANGUNAN
FAKULTI SENIBINA, PERANCANGAN DAN UKUR
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

**PENGELUARAN
SIJIL PERAKUAN MENDUDUKI BANGUNAN
OLEH
PIHAK BERKUASA TEMPATAN**

Satu disertasi yang disediakan sebagai memenuhi
sebahagian dari syarat untuk penganugerahan
Sarjana Muda Ukur Bangunan (Kepujian)


**DISEDIAKAN OLEH : JANNATUL AKMAL NIZAMUDDIN
SESSI : MEI 1999/2000**

**JABATAN UKUR BANGUNAN
FAKULTI SENIBINA, PERANCANGAN DAN UKUR
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

DISSERTASI BSV 695

PENGESAHAN PEMBETULAN DISSERTASI

Dengan ini adalah disahkan bahawa pelajar berkenaan telah membuat pembetulan seperti yang telah diarahkan dan seterusnya dibenarkan menjilid disertasi beliau.

Nama Pelajar	:	Jannatul Akmal Nizamuddin
No. Pelajar	:	98025152
Tajuk Dissertasi	:	Pengeluaran Sijil Perakuan Menduduki Bangunan Oleh Pihak Berkuasa Tempatan
Semester	:	Mei 1999/2000
Nama Penyelia	:	En. Mohd. Sufian B. Hasim
Tandatangan	:	
Tarikh	:	12/06/2000

ABSTRAK

Perkembangan ekonomi negara yang baik telah menggalakkan pembinaan bangunan yang begitu pesat terutamanya di dalam sektor perumahan, perdagangan dan perindustrian. Namun demikian setiap bangunan yang hendak didirikan tidak boleh sesuka hati di bina sebaliknya perlulah melalui beberapa proses yang telah ditetapkan oleh undang-undang. Terdapat dua pihak yang utama yang terlibat di dalam proses-proses ini iaitu pihak pemaju atau pemilik dan Pihak Berkuasa Tempatan. Kebiasaannya rungutan kelambatan Perakuan Menduduki Bangunan (CF) sentiasa didengari dan menjadi permasalahan terhadap pihak-pihak yang berkenaan.

Di dalam kajian ini akan menerangkan dengan lebih jelas berkaitan dengan proses yang dilalui di dalam membuat permohonan untuk CF yang bermula dari awal permohonan hinggalah Sijil Perakuan Menduduki Bangunan diperolehi. Kajian disertasi ini akan melibatkan tiga Pihak Berkuasa Tempatan iaitu Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Majlis Perbandaran Shah Alam dan Majlis Perbandaran Klang serta jabatan-jabatan lain yang terlibat.

Kajian ini juga akan membuat perbandingan proses-proses kelulusan CF yang perlu dilalui oleh pihak pemaju iaitu di ketiga-tiga kawasan di bawah kawalan

Pihak Berkuasa Tempatan tersebut. Selain daripada itu juga, kajian ini adalah untuk mengenalpasti masalah yang dihadapi di dalam proses-proses tersebut dan menyenaraikannya di samping mengemukakan langkah-langkah dan cadangan untuk menyelesaikan permasalahan tersebut.

Dissertasi ini juga akan melibatkan beberapa projek kajian yang akan diambil untuk dianalisa permasalahan kelewatan dalam mendapatkan kelulusan CF serta membuat perbandingan tentang masalah yang dihadapi di antara ke tiga-tiga Pihak Berkuasa Tempatan tersebut.

Walaupun bagaimanapun perkara yang paling penting di dalam kajian ini adalah cuba menerangkan proses kelulusan CF dan menunjukkan masalah kritikal yang dihadapi oleh pihak-pihak yang terlibat dengan kelulusan tersebut sama ada secara langsung atau tidak. Di nyatakan juga langkah-langkah dan cadangan supaya dapat membantu permasalahan yang berlaku dan memperbaiki sistem tersebut dengan lebih baik pada masa hadapan.

ISI KANDUNGAN

Mukasurat

PENGHARGAAN	i
ABSTRAK	ii
SENARAI GAMBARAJAH	iv
SENARAI JADUAL	v
SENARAI CARTA	vii
SENARAI LAMPIRAN	viii
SENARAI SINGKATAN AYAT	x

BAB 1 : *PENDAHULUAN*

1.0	PENDAHULUAN	1
1.1	MATLAMAT KAJIAN	2
1.2	OBJEKTIF KAJIAN	3
1.3	KEPENTINGAN KAJIAN	4
1.4	SKOP KAJIAN	4
1.5	METADOLOGI	5

BAB 2 : *Pengenalan Latar Belakang Kajian*

2.0	PENDAHULUAN	13
2.1	KELULUSAN SIJIL LAYAK MENDUDUKI BANGUNAN	15
2.1.1	Peringkat-Peringkat Proses Pembangunan Hartanah Secara Am	15